

PRESS – PRINT

Publication	Utusan Malaysia	Day/Date	Fri, 10 May 2024
Section	Dalam Negeri	Page No(s).	9
Circulation	40,000	Frequency	Daily
Headline	Dron 'Gaza' curi tumpuan hari terakhir DSA 2024		

Dalam Negeri

Dron 'Gaza' curi tumpuan hari terakhir DSA 2024

Oleh **FITRI NIZAM**

fitri.nizam@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Replika dron Shahed-149 buatan Iran atau dijoloki dengan nama 'GAZA' menjadi tumpuan pengunjung pada hari terakhir Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024, di sini, semalam.

Pesawat tanpa pemandu (UAV) yang kali pertama diperkenalkan pada tahun 2021 itu dinamakan sebagai 'GAZA' sebagai penghormatan terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza.

Menurut pegawai dari Kementerian Pertahanan Iran yang enggan namanya disiarkan, dron tersebut tidak digunakan ketika negara republik itu menyerang Israel baru-baru ini.

Sebaliknya, beliau berkata, dron GAZA memulakan



PELAWAT teruja melihat replika dron 'Gaza' buatan Iran dalam DSA dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 di MITEC, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

perkhidmatannya di Syria sejak tiga tahun lalu dalam usaha memerangi penganas Daesh.

"Dron Shahed-129 ini dikategorikan sebagai pesawat be-

raltitud tinggi, tahan lama dan mampu membawa 13 bahan ledakan dalam satu-satu operasi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.